

Teknologi, pendigitalan pacu semula ekonomi

Pandemik dilalui sejak lebih setahun lalu meletakkan negara dalam situasi sukar. Bagi membendung penularan virus, perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan secara berfasa untuk tempoh yang lama.

Banyak aktiviti ekonomi terpaksa dihentikan operasi dan kesannya, ekonomi negara menguncup drastik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, ekonomi Malaysia pada 2020 menguncup 5.6 peratus berbanding pertumbuhan 4.3 peratus dicatatkan pada 2019.

Ia disebabkan beberapa faktor seperti sekatan pergerakan yang menyumbang penyusutan pelancong domestik dan luar negara, perniagaan gulung tikar, serta ramai kehilangan kerja sepanjang PKP dilaksanakan.

Dalam usaha merencanakan semula ekonomi negara, kerajaan menggalakkan rakyat menceburi dan menggunakan sebaiknya platform digital untuk merencanakan semula aktiviti ekonomi.

Namun, sebelum membicarakan lebih lanjut bagaimana teknologi dapat membantu membangunkan semula ekonomi Malaysia, kerajaan perlu memastikan seluruh pelosok tanah air mempunyai capaian internet yang baik dan stabil.

Ketika ini, kawasan bandar dan pekan besar mempunyai capaian internet yang baik, laju dan stabil. Keadaan ini berbeza dengan luar bandar, pekan kecil dan pedalaman.

Apa dilihat kini, penggunaan teknologi dan pendigitalan membantu peniaga serta usahawan memasarkan produk mereka dengan meluas. Pasaran alam maya tiada sempadan, memberi ruang dan peluang kepada usahawan memperdagangkan produk ke seluruh dunia.

Pasaran dalam talian seperti Shopee, Facebook, dan Instagram mempunyai potensi sangat baik untuk menarik pelanggan baharu.

Kedai fizikal kini diganti kedai dalam talian yang memanfaatkan teknologi dan beroperasi 24 jam tujuh hari seminggu. Hasilnya, pelanggan boleh mengakses kedai bila-bila masa.

Hasil teknologi dan pendigitalan juga, beberapa pekerjaan baharu dapat dihasilkan. Contohnya pereka grafik, perunding sosial media, penyedia kandungan dan penulis.

Pekerjaan ini mempunyai potensi luas dan menjanjikan pulangan lumayan kerana peniaga dan usahawan akan menggunakan khidmat mereka bagi aktiviti perniagaan seperti pemasaran dan jualan.

Bagi yang kehilangan kerja, pekerjaan ini menjadi prospek yang baik untuk mereka menceburkan diri dalam bidang baharu. Dalam erti kata lain, ekonomi gig mempunyai potensi besar untuk digarap dan diketengahkan pada era ini.

Dalam tempoh negara dilanda COVID-19 juga, kemajuan penggunaan teknologi dan pendigitalan memberi impak sangat besar kepada perniagaan kurier.

Perkhidmatan penghantaran barang mendapat permintaan sangat tinggi kerana orang ramai tidak dapat keluar rumah untuk membeli barang keperluan. Aktiviti perniagaan dalam talian bertambah rancak di mana barang ditawarkan dengan harga berpatutan menjadi faktor penyumbang durian runtuh syarikat kurier.

Akibat permintaan sangat tinggi, syarikat kurier menggaji ramai 'rider' untuk menghantar pesanan mengikut jadual ditetapkan. Pekerjaan ini kini menjanjikan pulangan lumayan dan karier ini semakin menjadi pilihan.

Ringkasnya, dapat kita lihat teknologi dan pendigitalan mampu memeriahkan semula aktiviti ekonomi pasca COVID-19 di Malaysia. Banyak ruang boleh diterokai dan akan memberi impak positif kepada aktiviti ekonomi negara.

Hal yang tidak dapat disangkal adalah, revolusi teknologi serta elemen digital terus berkembang pesat. Gerak kerja agresif diperlukan supaya ekonomi Malaysia diberi nafas baharu dan menjana output.

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/06/831910/teknologi-pendigitalan-pacu-semula-ekonomi>